



19 April 2018  
19 April 2018  
P.U. (A) 104

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)  
(NO. 2) 2018

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(NO. 2) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2018**.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
  - (a) Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh MKD Kencana Sdn. Bhd. menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut “Sukuk Murabahah” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal sehingga satu bilion lima ratus juta ringgit (RM1,500,000,000.00); dan
  - (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Sukuk Murabahah.

**Peremitan cukai**

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) MKD Kencana Sdn. Bhd. yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut kuasa